



BULETIN BPU

Buletin.Bil 01/Ogos/2006

Bahagian Pembangunan Usahawan
Blok B tingkat 7, Kompleks Kerja Raya, Jalan
Sultan Salahuddin K.L.
Telefon : 03-27714701, Fax: 03-27114442
E-Mel : CPUIP@kk.gov.my

Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum w.b.t.. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kehadiran Ilahi dan tahniah kepada sidang redaksi buletin Bahagian Pembangunan Usahawan KKR kerana berjaya menerbitkan Buletin BPU buat julung-julung kalinya. Penerbitan buletin ini merupakan tanda positif dan bertetapan dengan strategi BPU dalam usaha untuk memberikan infomasi dan hebahan kepada semua pihak yang terlibat. Dahulunya Bahagian ini lebih tertumpu kepada fungsi melahirkan kontraktor bumiputera melalui kursus,bimbingan dan latihan. **Kini peranan BPU di bawah bimbingan KSU iaitu Y.Bhg Dato' Syed Jamal Syed Jaafar**, telah berubah wajah di mana beliau telah menekankan program pembangunan kontraktor sebagai halatuju baru agar selaras dengan visi KKR . Matlamat utama visi ini ialah penyertaan kontraktor-kontraktor bumiputera yang cemerlang dan komited dalam projek-projek kerajaan menjelang 2020, berdaya tahan serta berdaya saing. Untuk mencapai matlamat ini tanggungjawab ini telah diberikan kepada TKSU (P) selaku timbalan beliau.–

M.Yasin Junus, Ketua Editor



Gambar booth BPU di Ekspo Usahawan di The Mines pada 21-25 Ogos 2006



Mesyuarat Bersama TKSU (P) pada 23 Jun 2006

Latar Belakang

BPU merupakan sebuah organisasi di bawah KKR yang ditubuhkan bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat melalui Masyarakat Perdagangan Perindustrian Bumiputera.(MPPB). Pada awal penubuhan BPU dikenali sebagai Unit Penyertaan Bumiputera.

- 1974 – Unit Penyertaan Bumiputera di bawah Cawangan Ukur Bahan JKR.
- 1993 – Dibawah Bahagian Kontrak dan Penyelenggaraan Bumiputera KKR.
- 1.6.1997 – Diwujudkan Cawangan Pembangunan Usahawan (CPU) di bawah KKR dalam Waran Perjawatan Bil. 102 Tahun 1997.
- 1.11.2002 – Dinaikkan taraf kepada Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) Waran Perjawatan Bil. K92 Tahun 2002 dibawah pentadbiran KSU KKR.

KEDUDUKAN ORGANISASI BPU SEKARANG

BPU bertanggungjawab kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kerja dan dikawal selia di bawah pentadbiran Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan .Bahagian ini di ketuai oleh Setiausaha Bahagian (SUB-M54) dan dibantu oleh 3 orang Ketua Penolong Setiausaha (KPSU) yang terdiri dari dua pegawai teknikal kanan (J48) dan seorang Pegawai Tadbir (PTD-M52). BPU mempunyai 114 perjawatan, 85 perjawatan telah diisi dan mempunyai cawangan di setiap negeri kecuali Sabah dan Sarawak.

Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK)

Skim ini diluluskan Parlimen pada 17 Mac 1982 dibawah seksyen (4), Akta Prosidur Kewangan. Dana sebanyak RM5 juta diwujudkan bagi membantu kontraktor-kontraktor bumiputera memulakan kerja. Pada Julai 2000, CIDB telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta, menjadikan jumlah tabung SKWAK sebanyak RM10 juta. Sepanjang tahun 2006 (sehingga Julai) seramai **20 Kontraktor** telah menerima bantuan SKWAK yang keseluruhannya berjumlah **RM 3, 584,00.00.**

Berita Terkini Industri Binaan

- *Kerajaan telah memutuskan bahawa semua projek-projek di bawah RM50 juta akan ditender dan dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera.*



Gambar Aktiviti –Aktiviti Semasa BPU



Usahawan BPU (Pak Ali) bersama Y.A.B Perdana Menteri di Ekspo Usahawan di P. Pinang pada 28 Mei 2006



Produk aerated lightweight concrete block yang dikeluarkan oleh Sarabata (Pak Ali). Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan: Tn. Hj. Ali Omar 019 - 4770047



Pengusaha kedai hardware yang dibangunkan oleh BPU. Kuala Berang Trading di Terengganu. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan: En Abd Rahim Bin Mohamed 09 – 6811 825

Gambar Aktiviti –Aktiviti Semasa BPU



~ Dahulu jauh sekarang dekat...,
 ~ Agar hubungan makin rapat.,
 ~ Dulu di Jalan Chan Sow Lin ..,
 ~ Kini di Jalan Sultan Salahuddin.,
 ~ Berbekal tanggungjawab dan rangkaian terjalin.,
 ~ Usahawan komited calon di ingin.,
 ~ Moga hasrat di restui pemimpin.

Edaran:

PENGURUSAN BPU

- 1] En Nor Azman B. Ibrahim (SUB) ~ 03-27714700
- 2] En. M. Yasin Junus (KPSU I) ~ 03-27714702
- 3] Tn Hj. Radzuan B. Abas (KPSU II) ~ 03-27714705
- 4] En. Mohamad Anuar B. Abd Malek (KPSU III) ~ 03-27714703

Sidang Redaksi Buletin BPU

Penaung: Y.Bhg. Dato' Syed Jamal Bin Syed Jaafar
Penasihat: Y.Bhg. Dato' Dr. Hj. Abdul Munit B. Kasmin
Ketua Editor: En. M. Yasin Junus
Editor: En. Zulkifli Jahaya
Sub Editor (I): En Azhar Mustapha
Sub editor (II): En Azilan Mohd Ali
Pembantu Penerbitan: En Abd Kadir Ibrahim

Buletin ini akan dikeluarkan secara bulanan iaitu pada setiap hujung bulan

Nama Program

Nama Pegawai/no tel

- | | |
|--|---|
| 1. Program Kontraktor Kerja KKR – | 1] Y.M Tg. Nizam ~ 03-2771 4706
2] Pn Zuraida ~ 03-2771 4705 |
| 2. Program Kontraktor PAKAR BPU – | 1] Pn Zuraida ~ 03-2771 4705
2] En Zulkifli Jahaya ~ 03-2771 4709 |
| 3. Program Match Making – | 1] Y.M Tg. Nizam ~ 03-2771 4706
2] En Zulkifli Jahaya ~ 03-2771 4709
3] En Azhar Mustapha ~ 03- 2771 4710 |
| 4. Program Vendor – | 1] En Azhar Mustapha ~ 03- 2771 4710 |
| 5. Bantuan Skim Kumpulan Wang Amanah (SKWAK) – | 1] En. Azilan Mohd Ali ~ 03- 2771 4708 |

